

Baca bahan di bawah dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah.

AKU	
1 Tidak ada manusia lain di pantai ini kecuali diriku.	6 Bahkan aku tidak tahu kulit kerang dan ru pernah wujud di sini.
2 Kususur pasir panjang sambil kubayangkan aku ini Adam.	7 Tuhan aku percaya Kau Pencipta kerana aku baru ada.
3 Hari inilah aku tercipta dan pertama kali melihat laut, langit, dan pohon.	ROSLI K. MATARI Daripada Antologi <i>Kuingin Berterima Kasih</i> , Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia
4 Kelmarin aku belum ada tidak terdengar olehku bunyi ombak itu.	
5 Tidak terasa olehku sentuhan angin ini bertiup di mana-mana.	

1. Apakah yang dibayangkan oleh penyajak ketika dia berjalan menyusuri pantai?
 - A Mendengar deruan ombak yang memukul pantai
 - B Jiwa penyajak kosong dan penyajak keseorangan di pantai
 - C Pertama kali melihat ciptaan Tuhan seperti laut, langit, dan pokok
 - D Membayangkan dirinya Adam dan seolah-olah baru diciptakan oleh Yang Maha Esa
2. Apakah yang diyakini oleh penyajak bahawa telah wujud sebelum dirinya?
 - A Laut
 - B Ombak
 - C Tuhan
 - D Kulit kerang
3. Antara yang berikut, persoalan yang **benar** tentang sajak tersebut ialah
 - A kepercayaan kepada Tuhan.
 - B kehidupan di dunia hanya sementara.
 - C berani dalam melakukan perkara.
 - D insaf akan kesilapan diri.
4. Baris ayat *Kelmarin aku belum* menunjukkan penggunaan gaya bahasa
 - A sinkope.
 - B inversi.
 - C imej alam.
 - D metafora.
5. Yang berikut merupakan pengajaran **kecuali**
 - A kita haruslah mensyukuri nikmat yang diberikan oleh Tuhan kepada kita.
 - B kita hendaklah cinta akan alam sekitar agar terpelihara keasliannya.
 - C kita hendaklah menginsafi diri supaya tidak melakukan perkara-perkara yang dimurkai.
 - D kita hendaklah menjaga tutur kata supaya tidak mengguris hati orang lain